

Tiada kata gambarkan suasana hiba iringi perpisahan Dr. M

UM 01/11/2003 - 27 PRECISE

PUTRAJAYA 31 Okt. — Tiada perkataan dapat menggambarkan suasana hiba yang mengiringi perpisahan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM), sejourus beliau melepaskan jawatan kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Salah seorang kakitangan wanita yang tidak menahan perasaan, berdiri kaku di atas tangga sambil menangis tersedu-sedu ketika melihat kelibat Dr. Mahathir yang dikerumuni para hadirin, melambai-lambai tangan sebagai tanda selamat tinggal kepada para petugas JPM.

Ditanya kenapa beliau tidak mendekati Dr. Mahathir untuk bersalaman atau mengucapkan selamat, beliau secara tersekat-sekat dengan tisu yang ditekupkan pada hidung menyatakan, "Tak tahan"

Lebih 1,000 orang termasuk kakitangan JPM, Kementerian Kewangan, menteri-menteri, timbalan menteri, ahli-ahli politik dan para pegawai tinggi kerajaan telah berkumpul di Aras 1 Dataran JPM dan pintu masuk jabatan itu sejak pukul 3 petang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr. Mahathir dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Semasa doa selamat mula dibacakan, sekumpulan kakitangan wanita yang sedang berbaris untuk bersalaman dengan Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah kelihatan berlari ke belakang

untuk mengelakkan pasangan itu melihat mereka bercucuran air mata kesedihan.

Imam Besar Masjid Putrajaya, Datuk Sheikh Ismail Mohamad sendiri tidak dapat menahan rasa hiba semasa membacakan doa tersebut, menyebabkan lebih ramai yang hadir mengalirkan air mata secara spontan.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah bagaimanapun kelihatan tenang dan tersenyum sepanjang masa mereka bersalaman dengan para hadirin selama kira-kira 20 minit sehingga tiba ke kereta untuk meninggalkan pekarangan JPM.

Antara orang ramai yang hadir ialah dua remaja lelaki, Lingkesvaran Maniam, 19, dan Saravanan Krisnasamy, 18, dari Sungai Petani, Kedah yang datang semata-mata untuk menghadiahkan dua buah potret kepada Dr. Mahathir.

Sebelum memasuki kereta yang dikerumuni oleh

kakitangannya yang mahu mengucapkan selamat jalan, Dr. Mahathir kelihatan berpusing beberapa kali untuk melambai buat kali terakhir, dengan bibir yang terukir senyuman tetapi sinaran mata yang jelas hiba.

Di pintu keluar, pasangan negarawan itu disambut pula oleh pancaragam sekolah Victoria Institution (VI) yang membuat persembahan istimewa bagi mengiringi pemergian mereka.

Seramai 18 anggota pancaragam itu membuat persembahan beberapa buah lagu sambil guru-guru sekolah VI pula memegang kain rentang yang tertulis *A Tribute to Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad: A Great Leader, Scholar, Sportsman, Gentleman.*

Pancaragam itu turut disertai oleh kira-kira 100 orang awam yang tidak mahu ketinggalan untuk menatap wajah Dr. Mahathir buat kali terakhir sebelum beliau bersara.